



KERAJAAN MALAYSIA

**Mengakaunkan Terimaan Hasil Sewaan
Tanah Dan Bangunan Yang Diuruskan Oleh
Kementerian/Jabatan Pengguna**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PENGURUSAN WANG AWAM.....	2
WP 10.5/2013 Mengakaunkan Teriman Hasil Sewaan Tanah Dan Bangunan Yang Diuruskan Oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna	2
1. Tujuan.....	2
2. Latar Belakang.....	2
3. Peraturan.....	2

PENGURUSAN WANG AWAM

WP 10.5/2013 Mengakaunkan Teriman Hasil Sewaan Tanah Dan Bangunan Yang Diuruskan Oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna

1. Tujuan

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi peringatan kepada semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan mengenai tanggungjawab untuk mengakaunkan terimaan hasil sewaan tanah dan bangunan yang diuruskan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna.

2. Latar Belakang

2.1 Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Persekutuan Tahun 2007 telah mendapati bahawa sebahagian terimaan hasil dari sewaan tanah dan bangunan yang diuruskan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna tidak dikreditkan ke dalam akaun hasil Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya terimaan hasil tersebut telah diakaunkan di luar Kumpulan Wang Hasil Disatukan seperti akaun persatuan, kelab sukan, yayasan kebajikan dan sebagainya. Selain daripada itu, jumlah hasil sewa tanah dan bangunan yang dipungut tidak dapat ditentukan kerana rekod mengenainya tidak diselenggarakan dengan lengkap oleh Kementerian/Jabatan Pengguna.

3. Peraturan

3.1 Mengikut Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan dan Arahan Perbendaharaan (AP) 6, segala terimaan wang daripada apa-apa punca hendaklah diakaunkan sebagai hasil kerajaan dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, termasuklah hasil sewaan bangunan dan tanah kerajaan.

3.2 Selaras dengan itu, peraturan yang dinyatakan di perenggan 3.1 di atas serta semua peraturan kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi supaya semua hasil kerajaan dapat diurus dengan lebih teratur.